

8/DESEMBER/2008

27

Utusan
MALAYSIA

BERITA SETEMPAT

Inspem-UPM terawal tumpu kajian etnomatematik

SERDANG Institut Penyelidikan Matematik Universiti Putra Malaysia (Inspem-UPM) telah menganjurkan Seminar Etnomatematik Asia Tenggara 2008 di sini baru-baru ini untuk menghebah dan mengetengahkan hasil penemuan penyelidikan etnomatematik.

Seminar itu bertujuan menyediakan platform kepada penyelidik bagi membentangkan hasil kajian dan menarik minat penyelidik lain untuk terlibat dalam bidang tersebut.

Pengarah Institut Penyelidikan Matematik Inspem, Prof. Datuk Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan berkata, bidang etnomatematik mengkaji tentang matematik yang lahir dalam budaya dan etnik sesuatu kaum.

“Penonjolan unsur sains matematik Alam Melayu ialah aljabar, aritmetik, astronomi, mantik, retorik dan geometri serta yang tersirat dalam sastera lisan seperti cerita penglipurlara, teka-teki, peribahasa, pantun dan sebagainya,” katanya ketika merasmikan seminar tersebut.

Beliau berkata, kerja tangan Melayu seperti pertukangan, reka bentuk anyaman, sulaman, simpulan dan ikatan juga adalah unsur sains matematik Alam Melayu.

“Bidang etnomatematik yang telah diperkenalkan oleh beberapa orang tokoh seperti d’Ambroso, Marcia Archer, Paulus Gerdes, Ahuja Mangho dan Frank Swetz merupakan salah satu cabang ilmu sains matematik yang terpenting dan telah wujud sekitar tahun 1970-an,” katanya.

Tambah beliau, rantau alam Melayu yang dipengaruhi oleh zaman Hindu, Buddha dan Islam menyediakan medan kajian etnoilmu yang sungguh kaya dengan etnosains, khususnya etnosains matematik yang masih banyak belum diterokai lagi.

Menurut beliau lagi, penyelidikan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sebelum era kedatangan Islam, semasa era kedatangan Islam dan era selepas kemerdekaan yang memberi tumpuan kepada kerja mendokumentasikan bahan etnomatematik seperti manuskrip Melayu jawi, bahan kesenian Islam Malaysia, lembaran usang, batu bersurat dan ukuran di atas bahan lain yang menjadi warisan bangsa dan Nusantara.

“Saya berharap penganjuran seminar ini dapat mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah pendokumentasian terpenting dalam aspek etnomatematik untuk penyelidikan dan rujukan generasi akan datang,” katanya.